

29 JUL 1997

Anwar-Cukai

MALAYSIA HARAP TANDATANGANI PERJANJIAN CUKAI BERGANDA DENGAN AS

KUALA LUMPUR, 29 Julai (Bernama) -- Malaysia berharap mencapai persetujuan berhubung perjanjian cukai berganda dengan Amerika Syarikat menjelang penghujung tahun ini, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Kedua-dua pihak sedang berusaha menyelesaikan syarat-syarat perjanjian tersebut memandangkan isu-isu kontroversi telahpun selesai, katanya.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan rundingan dua hala berasingan dengan Setiausaha Negara Amerika Syarikat, Madeleine Albright dan Menteri Luar Australia, Alexander Downer di pejabatnya, di sini hari ini.

Anwar berkata bahawa semasa pertemuannya dengan Albright, mereka turut membincangkan krisis mata wang rantau ini dan hartawan Amerika, George Soros, yang dinamakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sebagai orang di belakang spekulasi terhadap beberapa mata wang Asean.

Soros dan US telah menafikan bahawa beliau adalah orang yang melakukan spekulasi terhadap baht Thailand, peso Filipina, ringgit Malaysia dan rupiah Indonesia dalam beberapa minggu lepas.

Anwar berkata Malaysia berpendapat sebarang bentuk spekulasi dalam ringgit dan mata wang yang lain di rantau ini tidak dapat diterima dan tidak beretika.

Beliau berkata Albright juga menggesa agar pengliberalan sektor khidmat kewangan dipercepatkan.

Anwar berkata sungguhpun Malaysia menyokong perkara itu, ia masih mempertahankan bahawa pengliberalan harus dilaksanakan secara beransur-ansur dan kemantapan institusi kewangan tempatan perlu diberi pertimbangan sewajarnya.

Katanya Malaysia komited untuk mengekalkan ekonomi yang teguh dengan meneruskan dasar belanjawan bersifat lebihan dan dasar kewangan yang berhemat.

Menyentuh tentang pertemuannya dengan Downer, Anwar berkata Malaysia mengiktiraf minat Australia menjadi anggota Mesyuarat Asia-Eropah (Asem).

Bagaimanapun, kata Anwar, syak wasangka tidak seharusnya timbul dalam usaha untuk tidak menerima sebarang negara di dalam perkumpulan berkenaan.

"Sejak dari mula lagi, Asem yang diilhamkan adalah untuk Asia dan Eropah.

"Bagaimanapun, jika terdapat keperluan untuk mengkaji semula dan membincangkan perluasan anggota, maka konsensus diperlukan," katanya. --

BERNAMA

AD MA NMO